

16 SEP 2003
ICMLY-Yayasan/I
ICMLY SETUJU TUBUH YAYASAN EKONOMI DUNIA ISLAM

KUALA LUMPUR, 16 Sept (Bernama) -- Persidangan Antarabangsa Pemimpin Muda Islam 2003 (ICMLY) selama tiga hari yang berakhir di sini hari ini mencapai kata sepakat untuk menubuhkan Yayasan Ekonomi Islam Dunia.

Timbalan Pengerusi ICMLY, Datuk Mohamad Fatmi Che Salleh berkata penubuhan yayasan itu adalah di antara empat resolusi yang dicapai pada persidangan itu.

Yayasan tersebut akan berpusat di sini dan antara fungsinya ialah mengenalpasti projek ekonomi yang berdaya maju di negara-negara Islam.

"Ia akan menjana keuntungan yang akan digunakan untuk menaja penuntut Islam mengikuti pengajian tinggi di Malaysia," katanya semasa menyampaikan resolusi itu di sini hari ini.

Katanya, yayasan itu akan bertindak sebagai pusat khidmat nasihat kepada organisasi dan negara Islam serta menjalankan kajian dan cadangan mengenai sistem, organisasi dan mekanisme yang sesuai di dalam rangka kerja keperluan sektor awam dan swasta.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menutup persidangan itu yang dihadiri oleh lebih 350 peserta dari 57 negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan wakil dari 13 negara minoriti Islam.

Fatmi berkata yayasan itu akan bertindak sebagai pusat maklumat mengenai peluang ekonomi, perniagaan dan perdagangan yang terdapat di seluruh negara Islam.

Tiga lagi resolusi ialah mengenal isu perpaduan ummah, pemilikan pengetahuan dalam bidang sains, matematik dan teknologi dan mengeksploitasikan sumber ekonomi bagi penyertaan secara aktif dalam kegiatan perdagangan global.

Sementara itu, Pengerusi ICYML, Tan Sri Rahim Thamby Chik memberitahu pemberita selepas pembentangan resolusi tersebut bahawa cadangan penubuhan yayasan itu akan diserahkan kepada Dr Mahathir tidak lama lagi.

Beliau berkata, sebuah firma guaman akan dilantik untuk merangka perlembagaan yayasan itu yang dijangka ditadbir urus oleh sekumpulan profesional Islam dari pelbagai negara.

Katanya, yayasan itu akan dikawal selia oleh Yayasan Pengerak Wawasan sementara menunggu perlantikan lembaga pengarahnya dan peruntukan bagi penubuhan yayasan itu bergantung kepada kelulusan kerajaan Malaysia.

Persidangan ICMLY itu dianjurkan bersama Jabatan Perdana Menteri dan Yayasan Pengerak Wawasan sempena Sidang Kemuncak OIC di Putrajaya bulan depan.

-- BERNAMA
NER AZZ DC MOZ